



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PARLIMEN BUKA PINTU KEPADA USAHAWAN TEMPATAN: SSSETEL MART HIMPUNKAN PRODUK TEMPATAN DI BAWAH SATU BUMBUNG

KUALA LUMPUR, 20 November – Parlimen Malaysia hari ini menyaksikan perasmian SSSetel Mart, satu inisiatif kerjasama antara Parlimen Malaysia dengan Koperasi Usaha Anak Felda serta sokongan pelbagai agensi kerajaan termasuk Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Selangor, Jabatan Perdana Menteri. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, bersama YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan turut hadir YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Negeri Selangor.

SSSetel Mart berfungsi sebagai sebuah platform jualan yang bukan sahaja menjual produk-produk tempatan terus kepada pengguna, malah menyediakan latihan, bimbingan, pembangunan produk serta akses pasaran kepada peserta program eKasih dan Sejati Madani. Inisiatif ini melibatkan kerjasama beberapa kementerian dan agensi yang memainkan peranan masing-masing dalam memastikan penyertaan komuniti dilaksanakan secara berterusan.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul berkata bahawa Parlimen Malaysia sentiasa mengalu-alukan program yang memberi peluang kepada masyarakat untuk memperkukuh kemahiran dan meningkatkan daya tahan ekonomi mereka.

“Penglibatan pelbagai pihak dalam inisiatif seperti ini selaras dengan usaha untuk memastikan Parlimen terus dekat dengan rakyat. Parlimen menjadi ruang yang terbuka untuk komuniti berkongsi pandangan, mendapat pendedahan dan meningkatkan peluang ekonomi mereka,” ujar beliau.

Tan Sri Johari turut menyambut baik peranan proaktif ICU Selangor yang bertindak sebagai penyelaras utama dalam mengenal pasti peserta, memantau kemajuan, menyediakan latihan serta memastikan penerima geran benar-benar bersedia memasuki pasaran melalui platform seperti SSSetel Mart. Beliau menegaskan bahawa aspek

keberkesanan dan ketelusan pelaksanaan perlu terus diperkukuh bagi memastikan manfaat disampaikan kepada kumpulan sasar.

Selain itu, beliau turut mengalu-alukan penyertaan Kementerian Belia dan Sukan, yang membuka peluang kepada belia Malaysia untuk terlibat dalam bidang keusahawanan melalui latihan pemasaran digital, pembangunan produk dan pengurusan runcit di SSSetel Mart, sekali gus membantu melahirkan generasi muda yang lebih mandiri, progresif dan bersedia menyumbang kepada ekonomi negara.

Parlimen Malaysia akan terus menyokong inisiatif yang melibatkan kerjasama strategik antara kerajaan, masyarakat dan sektor koperasi dalam membina ekosistem sosioekonomi yang mampan.

Selain penglibatan Parlimen Malaysia dalam platform seperti SSSetel Mart, institusi ini turut menggerakkan beberapa program merakyatkan Parlimen seperti **Sekolah Parlimen**, yang memberi pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai proses legislatif dan sistem demokrasi, serta **Parlimen Belia Malaysia**, sebuah platform nasional yang menghimpunkan golongan muda untuk berbahas, mencadang dasar dan memahami tanggungjawab kepimpinan. Keseluruhan inisiatif ini merupakan usaha berterusan Parlimen dalam memastikan institusi ini semakin dekat dengan rakyat di pelbagai peringkat.

PARLIMEN MALAYSIA